

31/05/2001

Ujian air kencing pelawak Senario bebas dadah

KLANG, Rabu - Pelawak, Yassin Yahya, 23, dari kumpulan Senario yang ditahan kerana disyaki positif ujian dadah pada 17 Mei lalu, hari ini disahkan bebas daripada pengambilan bahan berkenaan berdasarkan ujian makmal.

Keputusan ujian makmal di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) di sini yang mengambil masa lebih satu minggu berdasarkan sampel air kencing pelawak itu, menunjukkan tanda negatif.

Timbalan Ketua Polis Daerah, Superintendan Rusni Hashim, ketika dihubungi hari ini, mengesahkan keputusan ujian itu negatif dan Yassin tidak akan didakwa di mahkamah.

"Ujian itu negatif, jadi Yassin bebas sepenuhnya. Kalau positif lainlah, kita akan tahan dia semula dan hadapkannya ke mahkamah untuk pendakwaan," katanya.

Mengenai kemungkinan berlaku kesilapan dalam ujian awal hingga menyebabkan pelawak itu ditahan, beliau berkata ia adalah ujian rambang.

"Kalau ujian itu menunjukkan 50-50 pun kita tahan untuk ujian seterusnya. Dalam kes ini, ujian yang dibuat di makmal hospital adalah tepat dan muktamad," katanya.

Yassin ditahan di Plaza Tol Bukit Raja, Lebuhraya Keras kira-kira jam 7 malam dalam Ops Bersepadu membabitkan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Narkotik dan Polis Trafik.

Yassin dibawa ke Balai Polis Pelabuhan Klang dekat sini bagi mengambil sampel air kencing, sebelum dibebaskan dengan jaminan polis bagi menunggu keputusan ujian makmal di HTAR.

Sementara itu, Pengurus Senario, Mahathir Sidi, berkata, beliau datang ke Jabatan Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPPD) Klang, bagi mengambil keputusan itu, kira-kira jam 10 pagi.

Bagaimanapun, beliau mengakui tidak menandatangani sebarang dokumen mengenai keputusan itu, sebaliknya terus memaklumkan kepada Yassin mengenai perkembangan berkenaan.

"Saya harap keputusan yang dikeluarkan hospital dan polis ini dapat membersihkan imej Senario semula dan peminat tidak memandang serong kepada kumpulan ini," katanya.

(END)